

Kerajaan perlu wujud peraturan pantau penjualan rokok elektronik yang makin bebas

Industri vape negara berisiko tinggi

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
dan AHMAD ZAINUL ARIFFIN

KUALA LUMPUR – Industri vape yang wujud ketika ini dilihat berisiko tinggi kerana terlalu bebas dan bergerak tanpa kawalan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Pakar sosiologi dari Universiti Selangor (Unisel), Prof. Dr. Mohd. Zaidi Hajazi berkata, peniaga dan pembuat cecair vape tumbuh bagai cendawan di negara ini namun kesemuanya bebas hingga tidak dapat dikawal.

Mohd. Zaidi berkata, situasi itu sangat membimbangkan dan membahayakan keselamatan negara kerana ia boleh memberi kesan kepada pengguna vape yang masih beranggapan rokok elektronik itu bagus sehingga mampu mengurangkan ketagihan mereka kepada nikotin.

“Industri vape ketika ini tidak diawasi oleh kerajaan dan bergerak

ak secara ‘halal’. Situasi ini sangat berisiko kerana orang ramai tidak tahu bagaimana proses penghasilan perisa vape ini dilakukan, bahan apa digunakan?”

“Jika tidak dikawal, bagaimana kita boleh katakan tiada bahan berbahaya di dalam perisa itu,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mohd. Zaidi menambah, jika penguatkuasaan disegerakan kerajaan, banyak masalah boleh diselesaikan.

“Bayangkan, pada satu hari nanti, ada kes cecair vape mengandungi racun, siapa yang hendak kita rujuk? Perkara ini akan menjadi sebaliknya jika setiap pembekal mahupun pembuat didaftarkan terus secara rasmi dengan badan tertentu,” katanya.

Kenyataan Mohd. Zaidi itu turut senada dengan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Noor Aziah



MOHD. ZAIDI



NOOR AZIAH



PERISA vape yang dianalisis mengandungi ganja baru-baru ini dibimbangi dijual di pasaran tempatan secara terbuka jika tiada kawalan dan pemantauan.

Ujian makmal sahkan vape perisa ganja

Sejuta pengguna vape di Malaysia kini berurusan dengan ketagihan dadah cara baharu!

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Mohd. Awal.

Ujar beliau, ketiadaan undang-undang boleh mencetuskan gejala tidak baik dan ber-

Kosmo
19/11/2018
ms 6



KETIADAAN undang-undang khusus mengenai vape boleh membuatkan peniaga atau pembuat cecair mengurus bisnes mereka sesuka hati tanpa kawalan. – Gambar hiasan.

bahaya dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda.

“Ketika ini semua orang boleh hisap vape daripada kanak-kanak hinggalah orang dewasa. Isunya adalah adakah ia benar-benar bagus sehingga perlu dijadikan sebagai gaya hidup?,” soalnya.

Selasa lalu, *Kosmo!* melaporkan hasil analisis Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur

(Eseri), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu yang mendapati, perisa vape yang dinamakan *Tenang Is Good* mengandungi dua jenis ganja semula jadi iaitu kanabidiol dan kanabinol serta ganja sintetik jenis dronabinol.

Pengambilan vape perisa ganja menurut seorang pakar kesihatan boleh membuatkan pengguna menjadi gila atau tidak siaman akibat tindak balas kimia terhadap otak.